

# Anugerah Gemilang Siswa 2013 Meriah



Majlis Anugerah Gemilang Siswa (AGS) 2013 telah diadakan secara sederhana tetapi meriah di Dewan Kapitol UniMAP pada 21 Mac 2013 lalu. Program ini merupakan acara tahunan universiti bagi menghargai pencapaian para siswa dalam pelbagai bidang yang diceburi. Seramai 115 orang pelajar telah diraikan dalam majlis tersebut yang menawarkan 11 kategori anugerah.

Antara kategori anugerah yang ditawarkan adalah Anugerah Kecemerlangan Khas, Anugerah kecemerlangan Dalam Bidang Akademik (Ijazah Sarjana Muda – pelajar tempatan), Anugerah kecemerlangan Dalam Bidang Akademik (Ijazah Sarjana Muda – Pelajar Antarabangsa), Anugerah Kecemerlangan Dalam Bidang Akademik (Pengajian Diploma), Anugerah Kecemerlangan dalam Bidang Keusahawanan, Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi. Selain itu, terdapat juga Anugerah Kecemerlangan Dalam Bidang Pengucapan Awam, Anugerah Kecemerlangan Dalam Bidang Seni dan Budaya, Anugerah Kecemerlangan Dalam Bidang Sukan, dan Anugerah Kecemerlangan Kelab/ Persatuan Pelajar.

Anugerah Khas Penghargaan dan Pengiktirafan, turut diberikan kepada 7 institusi di negeri Perlis yang banyak menyumbang dalam bentuk sumbangan wang zakat, khidmat nasihat dan perundingan, tajaan barangan, dan lain-lain. Pada majlis yang sama, Naib Canselor UniMAP telah melancarkan sistem Electronic Guarantee Letter (EGL) dalam usaha memudahkan proses pengesahan pelajar ketika melakukan pendaftaran masuk dan keluar hospital.